

PROSEDUR PEMERIKSAAN KEAKURAN (COMPLIANCE AUDIT)

- *Ketua Seksyen Pemeriksaan dan Pensijilan / Ketua Unit Pensijilan Dalam Negara melantik sekurang-kurangnya dua (2) orang Auditor Veterinar Dilantik (AVD) bagi menjalankan pemeriksaan keakuran.*
- *Surat makluman mengenai tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan AVD dan pemohon.*
- *Pemeriksaan keakuran dijalankan di premis pemohon yang merangkumi audit dokumen, QAP, keperluan MS 1514 Good Manufacturing Practice (GMP) dan MS 1480 Food Safety According to Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) dan audit lapangan.*
- *Sekiranya terdapat ketidakakuran (NCR), tindakan pembetulan (CAR) perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.*
- *Jika perlu, pemeriksaan susulan keakuran akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembetulan yang dilakukan oleh pemohon. Kegagalan mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh NCR akan menyebabkan permohonan dibatal.*
- *AVD menyediakan dan membentangkan laporan kepada **Jawatankuasa Teknikal Pensijilan Veterinar** untuk pertimbangan sebelum disyorkan kepada **Jawatankuasa Penganugerahan Pensijilan Veterinar**.*

- *Pemohon akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan, nombor VHM dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sekiranya lulus.*

Rev. Date: 3rd July 2025

